

FKAL dan DPIML bekerjasama jayakan penganjuran AIBC 2018

N S T 19.5.2018 6

LABUAN: Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) akan bekerjasama dengan Dewan Perdagangan Islam Malaysia Labuan (DPIML) dalam menjayakan penganjuran persidangan antarabangsa "Applied International Business Conference (AIBC 2018)" kali ke-3 yang akan diadakan di Hotel Grand Dorsett, WP Labuan pada 23 dan 24 Oktober 2018.

Jalinan kolaborasi dua hala itu adalah antara yang dibincangkan kedua-dua pihak pada mesyuarat yang diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 13, Bangunan Menara Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada Gbr Iftekhar Amin (3 kanan) dan Wan Abdul Rahim (3 kiri) bertukar-tukar cenderamata sambil disaksikan Dr Geoffrey (4 kanan) selepas mesyuarat antara FKAL dan DPIML di UMS Labuan, Rabu lalu.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Prof.

Madya Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal selaku Penasihat AIBC bersama jawatankuasa AIBC iaitu Prof. Madya Dr. Hanudin Amin (Pengerusi), Noor Muafiza Masdar (Bendahari), Dr Sharinah Puasa dan Iftekhar Amin Chowdhury (Tajaan).

Manakala DPIML diwakili oleh Pengerusinya, Wan Abdul Rahim Wan Abd Rahman bersama Timbalan Pengerusi, Dr. Ramli Tahir dan AJK, Sabrina Jessey Mohd Iskandar.

Tema persidangan kali ini ialah "Embracing The Industrial Revolution 4.0: Business Challenges".

Menerusi kolaborasi ini, DPIML bersetuju untuk menyumbangkan idea dalam bentuk industri manakala FKAL dalam bentuk pendidikan/ilmiah.

Persidangan ini melibatkan peserta dari dalam dan luar negara dengan sasaran seramai 100 orang pembentang.



CENDERATA MATA... Iftekhar Amin (tiga kanan) dan Wan Abdul Rahim (tiga kiri) bertukar-tukar cenderamata sambil disaksikan Dr Geoffrey (empat kanan) selepas mesyuarat antara FKAL dan DPIML di UMS Labuan pada Rabu.